

# Program vaksinasi pupuk nilai perpaduan

**Program** vaksinasi terbesar dalam sejarah negara sudah bermula hampir tiga minggu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menjadi rakyat Malaysia pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 keluaran Pfizer/BioNTech.

Beliau memperkenalkan contoh terbaik kepada komuniti dalam dan luar negara. Secara tidak langsung menonjolkan keyakinan negara kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) yang memastikan semua vaksin mencapai piawaian kualiti, keberkesan dan keselamatan sebelum didaftar dan dilesenkan.

Hampir 130,000 menerima dos pertama vaksin COVID-19 di seluruh negara, tanpa sebarang kesan sampingan

teruk dilaporkan.

Kempen kesedaran terhadap kebaikan dan keselamatan vaksin oleh kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik mahupun individu umumnya, meningkatkan penerimaan vaksin dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kerajaan menyasarkan 70 sehingga 80 peratus populasi negara bakal menerima vaksin COVID-19 bagi mewujudkan imuniti kelompok.

Usaha ini memerlukan kerjasama dan perpaduan semua rakyat Malaysia bagi mencapai imuniti kelompok, memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dan seterusnya mencapai kes sifar.

Sekitar tiga juta orang sudah pun mendaftar untuk suntikan vaksin CO-

VID-19 menerusi aplikasi MySejahtera dan angka ini dijangka terus meningkat.

Ini mencerminkan semangat perpaduan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik dalam usaha membentuk imuniti kelompok.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, juga menzahirkan sokongan terhadap program vaksinasi kebangsaan dengan menjadi antara individu yang menerima suntikan vaksin fasa pertama.

Program vaksinasi kebangsaan menjadi landasan perpaduan rakyat Malaysia dengan bersama-sama berkongsi informasi sahih dan mendaftarkan diri untuk menerima suntikan vaksin COVID-19.

Tinjauan di media sosial individu yang diberi vaksin, rata-rata memuat naik foto 'Saya telah divaksinkan' memberi keyakinan kepada segelintir yang masih berada 'atas pagar' atau ragu-ragu mengenai keselamatan vaksin.

Pengambilan vaksin akan melindungi diri dan masyarakat sekeliling. Ia bukan sahaja penting dari sudut kesihatan awam, malah menjadi sebahagian 'maqasid shariah' untuk semua yang layak menerima vaksin.

Inilah masanya untuk membuktikan perpaduan dalam mengharungi pandemik sebagaimana generasi terdahulu menghadapi pelbagai cabaran negara demi ke sejahteraan dan kemakmuran bersama.



Sebahagian petugas barisan hadapan tanpa mengira bangsa dan agama memberi sokongan terhadap program vaksinasi bagi memutuskan rantai pandemik COVID-19.

**Dr Md Muziman Syah Md Mustafa,**  
Pensyarah Kanan Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia (UIAM)